

Dilema anak dijaga pengasuh

Corak penjagaan berbeza, apa diharap tidak sama

Sinarharian
 20/11/16
 mls 2



Pada hari ini ramai kaum ibu yang mempunyai kerjaya. Justeru mereka perlu meletakkan kepercayaan kepada pengasuh untuk menjaga anak. Walaupun hati ibu berat untuk berbuat demikian, demi membantu suami meraih pendapatan isi rumah lebih tinggi, pengorbanan perlu dilakukan.

Pun begitu, ibu bapa pastinya mempunyai dilema apabila meletakkan anak di bawah jagaan pengasuh. Lebih-lebih lagi jika pengasuh merupakan individu persendirian misalnya jiran tetangga ataupun kenalan yang bergelar suri rumah.

Antara perkara yang selalu menjadi dilema kepada ibu bapa ialah rutin corak penjagaan anak yang berbeza. Hal ini memberikan tekanan kepada ibu bapa kerana sukar untuk memberitahu kepada pengasuh mengenai hal sebenar. Bak kata pepatah, ditelan mati emak, diluahkan mati bapa.

Makanan ringan

Kita selalunya cuba mengelak daripada memberi makanan ringan kepada si manja. Ini termasuklah keropok yang dipanggil jajan, coklat ataupun gula-gula. Bukan sekadar tahu makanan tersebut kurang berkhasiat, namun kita tidak mahu si manja terbiasa menikmati makanan sedemikian sekali gus mengganggu tahap kesihatan mereka.

Dilema yang dihadapi ibu bapa ialah apabila pengasuh kerap memberikan makanan ringan kepada anak kita. Alasannya kasihan apabila anak kita selalu minta makanan tersebut. Lebih teruk apabila ada anak yang tidak mahu makan nasi, roti atau buah sebaliknya hanya mahu makan jajan.

Sebagai ibu bapa, selalunya kita tidak beli makanan ringan untuk simpanan di rumah. Anak hanya boleh makan makanan ringan sesekali sahaja tatkala bersiar-siar pada hujung minggu. Jadi, sudah tentu perbuatan memberi makanan ringan kepada anak oleh pengasuh boleh menyebabkan kita sebagai ibu bapa ini berasa runsing.

Tidak mahu menimbulkan perselisihan faham, ada

ibu bapa yang mendiamkan sahaja perkara tersebut dengan harapan makanan ringan itu tidak diberikan setiap hari sehingga menjejaskan kesihatan anak.

Mandi

Satu perkara lagi yang mendatangkan dilema kepada ibu bapa ialah hal mandi. Apakah perasaan anda apabila anda menjenguk anak di rumah pengasuh, lalu ternampak anak perempuan anda yang berusia dua hingga empat tahun sedang dimandikan atau diceboki suami pengasuh?

Walaupun pemikiran sedemikian agak negatif, namun kerisauan pastinya timbul di dalam hati. Dilema sebeginilah yang selalu menghantui pemikiran ibu bapa yang terpaksa meletakkan anak di bawah jagaan pengasuh.

Percakapan

Kita berharap si manja akan membesar dengan baik dari segi kesihatan fizikal dan mental. Justeru mengajar anak menyebut perkataan yang baik-baik sering dilakukan. Kita sebolehnya mengelakkan anak mendengar sebarang perkataan negatif.

Hal ini sememangnya di luar kawalan apatah lagi jika anak duduk dengan pengasuh. Kemungkinan pengasuh juga menjaga anak orang lain yang mudah menuturkan perkataan negatif atau kasar misalnya 'bodoh', 'engkau' dan 'babi'.

Anak-anak mudah meniru percakapan individu di sekelilingnya. Sekali perkataan itu melekat di pemikirannya, maka agak sukar untuk kita mengelak daripada anak ini menuturkannya kembali.

Apa yang boleh kita lakukan ialah menasihati anak supaya tahu bahawa apa yang dia lakukan atau tuturkan itu sesuatu yang salah. WOW menasihatkan anda memilih pengasuh yang benar-benar ikhlas menjaga anak, bukan hanya memikirkan wang, sebaliknya menjaga si manja seperti anaknya sendiri.